



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
The National University of Malaysia

**GARIS PANDUAN
DANA PECUTAN PENERBITAN
(Pindaan Januari 2026)**

Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM)
Universiti Kebangsaan Malaysia

Tarikh Kuat kuasa: 1 Februari 2026



1.0 PENGENALAN

- 1.1 Dana Pecutan Penerbitan mula diperkenalkan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) pada tahun 2019. Dana Pecutan Penerbitan ini menggunakan peruntukan Dana Universiti Penyelidikan (Komponen Operasi).
- 1.2 Dana ini pada mulanya diberikan kepada Fakulti sahaja dan mulai tahun 2020 turut diberikan kepada institut dan pusat.
- 1.3 Pemberian dana ini adalah bertujuan untuk menyokong dan membantu fakulti/institut/pusat dan penyelidik dalam penerbitan berimpak tinggi dan perinciannya adalah seperti berikut:
 - (a) Menyokong strategi MyRA UKM bagi penerbitan terindeks (WoS/Scopus) pada tahun berkenaan.
 - (b) Melaksanakan agenda penerbitan oleh fakulti/institut/pusat dengan menyemarakkan budaya penerbitan dalam jurnal terindeks (WoS/Scopus).
 - (c) Meningkatkan bilangan penerbitan artikel yang diterbitkan dalam jurnal terindeks (WoS/Scopus).

2.0 TUJUAN

Garis Panduan ini bertujuan untuk memaklumkan dan menjelaskan mengenai prosedur pengurusan Dana Pecutan Penerbitan dan ptturan perbelanjaan dana kepada fakulti/institut/pusat, dan dijadikan panduan dan rujukan kepada penyelidik.

3.0 TAWARAN GERAN

- 3.1 Agihan peruntukan pada tahun semasa akan diberikan kepada fakulti/institut/pusat berdasarkan pencapaian prestasi penerbitan MyRA fakulti/institut/pusat pada tahun sebelumnya.
- 3.2 Dana Pecutan Penerbitan ini diberikan kepada fakulti/institut/pusat pada setiap tahun. Namun demikian, pemberian Dana Pecutan Penerbitan ini adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Universiti.

4.0 TEMPOH PENGGUNAAN DANA

Tempoh penggunaan Dana Pecutan Penerbitan adalah bagi tahun dana ini diluluskan sahaja, iaitu bagi aktiviti yang dilaksanakan sehingga 31 Disember pada setiap tahun kelulusan dana. Pun begitu, ianya juga tertakluk kepada tempoh yang ditetapkan dalam surat kelulusan yang dikeluarkan oleh CRIM.

5.0 SKOP PERBELANJAAN

- 5.1 Penggunaan peruntukan adalah bagi aktiviti yang dilaksanakan sehingga 31 Disember pada setiap tahun kelulusan dana.
- 5.2 Penggunaan peruntukan boleh digunakan bagi menyokong aktiviti penyelidikan seperti berikut:
 - a) Yuran suntingan/terjemahan jurnal
 - b) Bengkel berkaitan penerbitan jurnal terindeks
 - c) Bayaran saguhati kepada pakar bidang/fasilitator yang membantu dalam penerbitan jurnal terindeks.
 - d) Bayaran saguhati kepada pembantu penyelidik yang membantu dalam penerbitan jurnal terindeks
 - e) Pembiayaan yuran penerbitan (Article Processing Charge) bagi artikel jurnal terindeks (Q1 & Q2 sahaja) yang diterbitkan pada tahun dana diluluskan sahaja.
- 5.3 Bagi tujuan penggunaan pada perkara 5.2, pihak fakulti/institut/pusat adalah bertanggungjawab menyemak status jurnal pemangsa (predatory journal) dan/ atau jurnal palsu (fake journal) dan/atau larangan penggunaan dana kerajaan dalam penerbitan tiga penerbit antarabangsa (Hindawi, Frontier dan MDPI)
- 5.4 Penggunaan peruntukan perlu mematuhi prosedur dan tatacara kewangan Universiti yang sedang berkuat kuasa.
- 5.5 Semua permohonan perolehan dan bayaran daripada penyelidik perlu mendapat kelulusan daripada Dekan/Pengarah/Timbangan Dekan (Penyelidikan)/Timbalan Pengarah fakulti/institut/pusat.
- 5.6 Proses bayaran bagi permohonan yang telah diluluskan oleh Dekan/Pengarah/Timbangan Dekan (Penyelidikan)/Timbalan Pengarah fakulti/institut/pusat perlu dimajukan kepada Unit Bayaran, Jabatan Bendahari/ Zon Kewangan di Pusat Tanggungjawab (PTJ merujuk kepada fakulti/institut/pusat) mengikut Zon Kewangan yang ditetapkan oleh Jabatan Bendahari. Sila rujuk Carta Alir Proses Pembayaran seperti pada Lampiran 1.
- 5.7 Baki peruntukan yang tidak digunakan oleh fakulti/institut/pusat akan diselaraskan semula oleh CRIM untuk tujuan perancangan tahun berikutnya.

6.0 PERANAN PEMOHON

6.1 Jelas Dengan Tadbir urus Dana

- a) Membaca dan memahami garis panduan Dana Pecutan Penerbitan.
- b) Memenuhi syarat-syarat permohonan seperti ditetapkan.
- c) Memastikan penggunaan dana ini adalah lancar dan terancang mengikut masa yang ditetapkan dalam surat kelulusan.
- d) Mematuhi Peraturan Kewangan Universiti berkuat kuasa.
- e) Menyediakan apa jua bentuk pelaporan (sekiranya diperlukan oleh pihak PTJ/CRIM/Universiti).

6.2 Mengemukakan Permohonan kepada Sekretariat Penyelidikan PTJ

- a) Bagi pembiayaan APC, pemohon perlu melengkapkan Borang Permohonan Penggunaan Dana Pecutan Penerbitan dengan melampirkan semua dokumen pembuktian yang dinyatakan. Borang ini boleh dicapai melalui laman sesawang CRIM.
- b) Menyemak status jurnal pemangsa (predatory journal) dan/ atau jurnal palsu (fake journal).
- c) Menyemak kuartil jurnal di mana hanya kuartil 1 dan kuartil 2 sahaja boleh digunakan untuk permohonan APC.
- d) Mengemukakan permohonan kepada Sekretariat Penyelidikan PTJ bagi tujuan semakan syarat dan kelulusan Dekan/Pengarah/Timbangan Dekan (Penyelidikan)/Timbalan Pengarah.

7.0 PERANAN FAKULTI/INSTITUT/PUSAT (PUSAT TANGGUNGJAWAB)

7.1 Tadbir urus Dana

Dekan/ Pengarah/ Timbalan Dekan (Penyelidikan)/Timbalan Pengarah fakulti/ institut/ pusat bertanggungjawab:

- a) Menetapkan sasaran pencapaian penerbitan jurnal terindeks dan membuat perancangan penggunaan dana yang diagihkan.
- b) Memikul kebertanggungjawaban/akauntabiliti terhadap peruntukan yang diluluskan dan mematuhi semua peraturan, garis panduan yang sedang berkuat kuasa atau apa-apa ketetapan Universiti.
- c) Mematuhi peraturan pengurusan pentadbiran dan kewangan Universiti serta mengamalkan pengurusan kewangan yang baik dan berhemah.
- d) Menunaikan tanggungjawab mencapai KPI penerbitan seperti yang

dinyatakan pada perkara (a).

- e) Mengambil maklum bahawa pihak Universiti boleh menanggungkan sebarang tuntutan dan bayaran; menggantung atau memberhentikan; dan mengambil apa-apa tindakan yang bersesuaian ke atas mana-mana penggunaan peruntukan yang tidak mengikut peraturan ditetapkan, berlaku penyalahgunaan peruntukan atau penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan diri sendiri dan orang lain yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan penerima dana ini.
- f) Menyediakan apa jua bentuk pelaporan (sekiranya diperlukan oleh pihak PTJ/CRIM/Universiti).

7.2 Pengurusan Permohonan

Permohonan diuruskan oleh Sekretariat Penyelidikan PTJ mengikut proses seperti berikut:

- a) Membuat semakan syarat dan keperluan bagi memastikan, artikel yang dimohon:
 - i) Diterbitkan pada tahun semasa.
 - ii) Diterbitkan dalam jurnal berindeks WoS atau Scopus sahaja (Q1 & Q2 sahaja). Selain jurnal ini tidak boleh dipertimbangkan.
 - iii) Bukan diterbitkan dalam jurnal pemangsa (predatory journal), jurnal palsu (fake journal) atau jurnal yang dilarang universiti/ KPT/pemberi dana.
 - iv) Tidak terlibat dengan plagiarisme atau isu-isu integriti lain.
 - v) Tidak pernah dibayar menggunakan dana lain selain sumber kewangan sendiri.
- b) Memastikan dokumen sokongan permohonan dana adalah lengkap.
- c) Memastikan peruntukan Dana Pecutan Penerbitan PTJ adalah mencukupi.
- d) Mengemukakan permohonan yang telah lengkap kepada Dekan/Pengarah/Timbangan Dekan (Penyelidikan)/ Timbalan Pengarah bagi tujuan semakan dan kelulusan.
- e) Menyediakan dokumen bagi tujuan perolehan atau tuntutan bayaran. Dokumen yang lengkap seterusnya dimajukan ke Unit Bayaran, Jabatan Bendahari/ Zon Kewangan berkaitan bagi tujuan bayaran.

8.0 PERANAN CRIM

- 8.1 CRIM bertanggungjawab dalam keseluruhan perancangan, pembangunan polisi/garis panduan, agihan dana, penggunaan, pemantauan, dan pelaporan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk penggunaan Dana Universiti Penyelidikan.

- 8.2 CRIM berhak menarik balik dana ini sekiranya berlaku perkara berikut:
- Sebarang maklumat palsu yang diberikan oleh penyelidik/fakulti/ institut/pusat.
 - Sebarang penyalahgunaan dana.
 - Sebarang pelanggaran lain yang memberikan implikasi yang tidak baik kepada penyelidik dan pihak Universiti, tertakluk kepada pertimbangan Pengurusan CRIM berdasarkan merit kes.
- 8.3 CRIM juga boleh menanggungkan sebarang tuntutan dan bayaran, memberhentikan atau mengambil apa-apa tindakan yang bersesuaian ke atas mana-mana penggunaan peruntukan yang tidak mengikut peraturan ditetapkan, berlaku penyalahgunaan peruntukan atau penyalahgunaan kuasa untuk kepentingan diri sendiri dan orang lain yang mempunyai pertalian kekeluargaan dengan penerima dana ini.
- 8.4 CRIM akan mengambil semula semua baki peruntukan yang tidak dibelanjakan oleh fakulti/institut/pusat selepas tahun berakhir dan baki peruntukan ini akan diselaraskan semula untuk tujuan perancangan tahun berikutnya.
- 8.5 CRIM melalui Mesyuarat Pengurusan CRIM boleh membuat pertimbangan secara berasingan bagi perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam garis panduan ini.

9.0 PEMAKAIAN GARIS PANDUAN

- 9.1 Garis Panduan ini terpakai untuk semua fakulti/institut/pusat dan penyelidik UKM.
- 9.2 Pemakaian garis panduan ini adalah tertakluk dari semasa ke semasa kepada perubahan yang dibuat oleh CRIM.
- 9.3 Garis Panduan ini tidak terpakai/terbatal sekiranya terdapat arahan/perintah baharu oleh CRIM/Universiti/KPT.

10.0 TARIKH KELULUSAN & TARIKH KUAT KUASA

Garis panduan ini telah diluluskan oleh **Jawatankuasa Penyelidikan & Penerbitan melalui Pengesahan Pekeliling pada XX Januari 2026**. Garis panduan ini berkuat kuasa mulai tarikh ianya diluluskan, iaitu pada **XX Januari 2026**.

LAMPIRAN 1

CARTA ALIR
PERMOHONAN BAYARAN MENGGUNAKAN DANA PECUTAN PENERBITAN



